

05 OCT 1996

WANITA GERAKAN TETAP MAHU CHONG DIPECAT

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Wanita Gerakan akan terus menggesa supaya jawatankuasa pusat parti memecat Datuk Joseph Chong sungguhpun beliau dilaporkan mengugut untuk meletakkan jawatan sebagai anggota Parlimen Batu jika beliau dipecat.

"Jika beliau mahu juga berbuat demikian, beliau terpaksa berhadapan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata ketua pergerakan Wanita Gerakan Datuk Kee Phaik Cheen semasa rehat makan tengah hari pada persidangan perwakilan kebangsaan Gerakan ke-25 di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional, merasmikan persidangan itu. Semalam, pergerakan Wanita Gerakan secara sebulat suara meluluskan satu resolusi supaya Chong dipecat kerana menjejaskan imej parti.

Kee, yang mengekalkan jawatannya tanpa dicabar, berkata Chong boleh terus berkhidmat sebagai anggota bebas jika beliau dipecat daripada Gerakan.

Kee berkata kawasan Parlimen Batu sentiasa diperuntukkan oleh BN kepada Gerakan yang meletakkan Chong sebagai calonnya pada pilihan raya umum tahun lepas.

Chong gagal dalam usahanya untuk bertanding merebut jawatan presiden Gerakan setelah pencalonannya ditolak oleh jawatankuasa pengawas pemilihan parti dan permohonan beliau untuk mendapatkan perintah mahkamah supaya pencalonannya diterima ditolak. -- BERNAMA

TM MZ